



Norlina Secret Beauty  
luas pasaran produk

MS 3



Harga berbaloi  
di Food Junkies

MS 4

Selepas Pokemon  
Go, Super Mario  
Run cetus  
kegilaan

MS 4

ISNIN | 2 JANUARI 2017 | meja.bisnes@sinarharian.com.my

# BISNES



## Free market jadi tumpuan

Bantu golongan kurang berkemampuan

PERCUMA!

CUMA PERLU

① SENYUM :)

② MINTA BAIK-BAIK

**F**ree market atau pasar percuma sangat popular kebelakangan ini apabila ia dilihat sebagai platform untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Disertai pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) orang persendirian dan pihak universiti, free market juga menjadi ruang untuk orang ramai berniaga sambil beramal.

Menerusi free market, sistem yang diguna pakai juga sangat mudah. Sesiapa

sahaja boleh menyertainya dengan membawa barang-barangan yang mahu diberikan secara percuma kepada mereka yang memerlukan.

Antara barangan yang selalunya dikumpulkan di free market adalah pakaian, alat mainan, peralatan elektrik, makanan, perkhidmatan, perkakas rumah sehinggalah kepada perhiasan.

Tidak tertumpu pada barangan terpakai semata-mata, free market turut menawarkan barangan yang masih baharu.

Pengunjung yang datang pula bebas mengambil apa sahaja yang ditawarkan tanpa perlu membuat sebarang pembayaran. Memadai dengan senyuman dan ucapan terima kasih.

Sementara bagi golongan yang memberi, free market bukan sahaja dijadikan platform untuk melakukan kerja amal, malah ia juga dapat mengurangkan masalah pembaziran atau lambakkan barangan yang berada di rumah.

Ada juga yang membuka gerai

makanan dan minuman untuk diagihkan secara percuma setelah menerima tempahan dari penderma untuk sesebuah penganjuran.

Biasanya, aktiviti free market berlangsung di lokasi tertentu yang dipilih pihak penganjur dalam tempoh tertentu dan paling lama penganjuran adalah selama sehari. Usaha penganjuran pasar percuma ini nyata mendapat tumpuan ramai dan dilihat memberikan kebaikan kepada masyarakat.

● FOKUS : Duit belanja sekolah

● APA KATA MEREKA: IPT mana jadi pilihan anda?

● KELAB WARTAWAN : Ayahanda di Sekolah Izzuddin Shah

● AKTIVITI : KidZania tawar 4,000 tiket



8  
HALAMAN  
ESOK